

1. Antara yang berikut, manakah ciri-ciri kepimpinan bagi seseorang akauntan?

- I Integriti
- II Keutuhan
- III Kredibiliti
- IV Kerahsiaan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

2. Maklumat dalam laporan kewangan dapat diperoleh pada waktu maklumat tersebut diperlukan.

Apakah ciri kualitatif yang berkaitan dengan penyataan di atas?

- A Pemasaan
- B Kerelevanan
- C Kebolehfahaman
- D Kebolehbandingan

3. Maklumat berikut merujuk kepada perniagaan Encik Badrul.

Encik Badrul menggunakan kaedah baki berkurangan untuk mengira susut nilai kenderaan bagi setiap tempoh perakaunan.

Apakah prinsip yang diamalkan oleh perniagaan Encik Badrul?

- A Pengiktirafan hasil dan belanja
- B Tempoh perakaunan
- C Prinsip kos
- D Ketekalan

- 4 Berikut ialah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik bagi Perniagaan Seri Bayu pada 31 Disember 2022.

	<b>RM</b>
Modal pada 1 Januari 2022	20 000
Alatan pejabat	8 000
Kenderaan	15 000
Akaun belum terima	2 500
Akaun belum bayar	2 600
Inventori pada 31 Disember 2022	1 800
Bank	3 300
Untung bersih	8 000

Berapakah aset bukan semasa bagi perniagaan tersebut?

- A RM7 600  
 B RM10 200  
 C RM23 000  
 D RM30 600
- 5 Puan Aminah, pemilik Kedai Pakaian Amy telah memulangkan 8 pasang baju kurung kepada Pembekal Pakaian Amin kerana rosak.

Apakah kesan urusan ke atas aset, liabiliti dan ekuiti pemilik Kedai Pakaian Amy?

	<b>Aset</b>	<b>Liabiliti</b>	<b>Ekuiti Pemilik</b>
A	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
B	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
C	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah
D	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang

- 6 Pernyataan manakah menunjukkan fungsi dokumen perniagaan?
- A Sebagai bukti bertulis bahawa sesuatu urusan niaga telah berlaku
  - B Sebagai rujukan pihak bank untuk meluluskan pinjaman
  - C Sebagai alat perancangan dan kawalan
  - D Bertindak sebagai dokumen sokongan
- 7 Maklumat yang berikut berkaitan dengan syarat diskaun tunai dalam suatu invoice.

<p style="text-align: center;"><b>Diskaun Tunai</b></p> <p style="text-align: center;">10 % 10 hari</p> <p style="text-align: center;">2% 30 hari</p>
---

Encik Adam telah menerima invoice berjumlah RM1 500 pada 10 Mac 2023. Dia telah menjelaskan invoice itu pada 22 Mac 2023.

Berapakah jumlah yang perlu dibayar oleh Encik Adam?

- A RM1 320
- B RM1 350
- C RM1 470
- D RM1 500

8. Urus niaga berikut diperoleh daripada Kedai Ameerul.

2023

Jan 15 Membeli barang niaga daripada Ahmad secara kredit berjumlah RM3 000.

Jan 30 Menjelaskan sepenuhnya hutang kepada Ahmad dengan cek dan menerima diskaun sebanyak RM250.

Bagaimanakah urus niaga pada 30 Januari 2023 dicatatkan dalam Buku Tunai?

A dt **Buku Tunai (petikan)**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2023		RM	RM	RM	
Jan 30	Ahmad	250		3 000	

B dt **Buku Tunai (petikan)**

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2023		RM	RM	RM	
Jan 30	Ahmad	250		2 750	

C **Buku Tunai (petikan)** kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2023		RM	RM	RM
	Jan 30	Ahmad	250		3 000

D **Buku Tunai (petikan)** kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2023		RM	RM	RM
	Jan 30	Ahmad	250		2 750


- 9 Maklumat berikut diambil daripada buku tunai runcit Perniagaan Ammar Maju bagi bulan Julai 2023.

	<b>RM</b>
Jumlah Penerimaan	300
Jumlah Pembayaran	275
Baki akhir bulan	25

Berapakah jumlah wang yang dibayar balik mengikut sistem panjar?

- A RM25  
 B RM275  
 C RM300  
 D RM575

10



Apakah **P** dan **Q**?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Akaun perorangan	Akaun bukan perorangan
B	Akaun bukan perorangan	Akaun perorangan
C	Lejar am	Lejar subsidiari
D	Lejar subsidiari	Lejar am

11 Pemilik mengambil tunai RM500 untuk didermakan ke Kompleks Penyayang.

Manakah yang betul?

- A Kredit Akaun Ambilan
- B Debit Akaun Ambilan
- C Kredit Akaun Derma
- D Debit Akaun Derma

12 Pernyataan manakah yang benar tentang Imbangan Duga?

- I Menguji ketepatan catatan bergu
- II Membetulkan kesilapan melalui jurnal khas
- III Mempamerkan jumlah aset, liabiliti dan ekuiti pemilik
- IV Mengandungi senarai baki yang diambil daripada lejar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13 Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

<b>P</b>	<b>Q</b>
Perniagaan menerima dividen RM550 yang dimasukkan dalam bank.	Perniagaan menjelaskan bayaran bil internet dengan menggunakan perbankan atas talian RM300.

Apakah **P** dan **Q** dalam Akaun Untung Rugi?

	<b>P</b>	<b>Q</b>
A	Hasil	Belanja
B	Belanja	Hasil
C	Belanja	Belanja
D	Hasil	Hasil

14 Petikan Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Cat Harfiani.

<b>Imbangan Duga pada 30 Jun 2023</b>		
	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	65 670	

**Maklumat tambahan:**

- i. Seorang pelanggan didapati mufliis dan hutangnya sebanyak RM1 070 dihapuskan sebagai hutang lapuk. Perkara ini belum direkodkan.
- ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2 % atas Akaun Belum Terima bersih.

Apakah kesan terhadap belanja perniagaan?

- A Bertambah RM1 292
- B Berkurang RM1 292
- C Bertambah RM2 362
- D Berkurang RM2 362

15 Manakah rumus yang digunakan untuk kaedah garis lurus?

I	$\frac{\text{Kos Aset bukan semasa} - \text{Nilai skrap}}{\text{Usia guna}}$
II	$\% \text{ Susut nilai} \times \text{Kos Aset bukan semasa} \times \text{Tempoh masa}$
III	$\% \text{ Susut nilai} \times (\text{Kos Aset bukan semasa} - \text{Susut nilai terkumpul}) \times \text{Tempoh masa}$
IV	$\text{Baki awal Aset bukan semasa} + \text{Belian Aset bukan semasa} - \text{Baki akhir Aset bukan semasa}$

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Kedai Laksamana pada 31 Disember 2022.

	<b>RM</b>
Mesin (kos)	30 000
Susut nilai terkumpul mesin	6 000

Mesin tersebut dijual pada harga RM25 500 pada 31 Disember 2022.

Berapakah untung atau rugi pelupusan mesin tersebut?

- A Rugi pelupusan RM1 500
- B Rugi pelupusan RM4 500
- C Untung pelupusan RM1 500
- D Untung pelupusan RM4 500

- 17 Pemilik mengambil barang niaga RM250 untuk didermakan ke Pusat Jagaan Wargamas telah direkodkan ke Akaun Ambilan.

Bagaimanakah kesilapan tersebut dibetulkan dalam Jurnal Am?

**Jurnal Am**

A

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian	250	
Ambilan		250

**Jurnal Am**

B

Butir	Debit RM	Kredit RM
Ambilan	250	
Belian		250

**Jurnal Am**

C

Butir	Debit RM	Kredit RM
Ambilan	250	
Derma		250

**Jurnal Am**

D

Butir	Debit RM	Kredit RM
Derma	250	
Ambilan		250

18 Antara berikut, manakah nisbah yang menunjukkan keadaan mampu bayar sesebuah perniagaan?

I Nisbah keberuntungan

II Nisbah kecekapan

III Nisbah ujian asid

IV Nisbah semasa

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

19 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Anda.

	<b>RM</b>
Jualan bersih	112 000
Kos jualan	70 000

Apakah tafsiran yang betul bagi tokokan?

<b>Tafsiran</b>	
<b>A</b>	Bagi setiap RM1.00 kos jualan, untung kasar yang diperoleh RM0.60
<b>B</b>	Bagi setiap RM1.00 kos jualan, untung kasar yang diperoleh RM0.63
<b>C</b>	Bagi setiap RM1.00 kos jualan, untung kasar yang diperoleh RM1.60
<b>D</b>	Bagi setiap RM1.00 kos jualan, untung kasar yang diperoleh RM2.60

20 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Pendeta Sdn Bhd.

Tokokan	65%
Untung kasar	RM130 000
Inventori awal	RM45 680
Inventori akhir	RM34 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 3.26 kali
- B 4.38 kali
- C 5.02 kali
- D 5.88 kali

21 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Qaseh yang tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap.

	<b>RM</b>
Modal awal	20 000
Modal akhir	30 000
Modal tambahan	2 500
Ambilan	820

Berapakah keuntungan atau kerugian perniagaan tersebut?

- A Untung bersih RM6 680
- B Untung bersih RM8 320
- C Rugi bersih RM6 680
- D Rugi bersih RM8 320

22 Puan Raihana memberikan maklumat berikut:

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Akaun belum terima	3 600	9200

**Maklumat tambahan:**

- (i) Pulangan jualan RM220
- (ii) Penerimaan daripada Akaun belum terima RM10 000

Berapakah jumlah jualan kredit?

- A RM4 620
- B RM4 180
- C RM15 380
- D RM 15 820

23 Apakah tujuan Penyata Penyesuaian Bank disediakan?

- A Menyemak jumlah yang dibayar dan diterima
- B Mengetahui baki wang pada setiap akhir bulan
- C Mengenalpasti ketepatan catatan di Buku Tunai
- D Menyelaras baki Akaun Tunai dengan baki Akaun bank

24 Antara berikut, butiran manakah direkod dalam Buku Tunai yang menyebabkan berlakunya perbezaan antara baki Buku Tunai dengan baki Penyata Bank?

- I Dividen diterima
- II Deposit belum dikreditkan
- III Cek belum dikemukakan
- IV Faedah atas simpanan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 25 Rumus berikut digunakan untuk mengira lebihan atau kurangan dalam belanjawan tunai.

$$\text{Baki awal} + \mathbf{X} - \mathbf{Y}$$

Apakah **X** dan **Y**?

	<b>X</b>	<b>Y</b>
<b>A</b>	Jumlah penerimaan	Jumlah pembayaran
<b>B</b>	Jumlah pembayaran	Jumlah penerimaan
<b>C</b>	Jumlah pendapatan	Jumlah perbelanjaan
<b>D</b>	Jumlah perbelanjaan	Jumlah pendapatan

- 26 Anggaran jualan berikut diperoleh daripada Perniagaan Mahsuri.

	<b>RM</b>
Jun	36 000
Julai	52 000

**Maklumat tambahan:**

- (i) Jualan bulan Ogos dianggarkan bertambah 20% daripada bulan sebelumnya.  
(ii) 30% daripada jualan adalah secara tunai dan bakinya diberi tempoh kredit sebulan.

Berapakah penerimaan pada bulan Ogos?

- A** RM18 720  
**B** RM36 400  
**C** RM55 120  
**D** RM62 400

27 Antara berikut, apakah kelebihan perubahan entiti milikan tunggal kepada perniagaan perkongsian?

- I Modal yang lebih besar
- II Kepakaran tidak dapat dikongsi
- III Keuntungan dinikmati oleh pekongsi aktif sahaja
- IV Risiko perniagaan ditanggung bersama rakan kongsi

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

28 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Sepakat pada 31 Disember 2022.

	<b>RM</b>
Faedah atas modal Alia	2 000
Faedah atas modal Betty	4 000
Gaji Betty	3 000
Untung bersih	22 900
<b>Maklumat tambahan:</b>	
(i) Untung atau rugi dibahagikan antara Alia dan Betty mengikut nisbah 1:2.	
(ii) Gaji tahunan pekongsi Betty berjumlah RM4 000.	

Berapakah agihan untung pekongsi Betty?

- A RM4 300
- B RM5 300
- C RM8 600
- D RM10 600

29 Mengapakah sesebuah perniagaan perkongsian dibubarkan?

- A Pekongsi meninggal dunia
- B Pekongsi mengalami kerugian
- C Pekongsi membuat ambilan yang banyak
- D Pekongsi lewat menjelaskan pinjaman peribadi

30 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perkongsian Sabar.

	<b>RM</b>
Jumlah Aset	68 000
Jumlah Liabiliti	29 800

Semasa pembubaran, semua aset dijual pada harga pada harga RM65 000. Belanja realisasi RM900 dan liabiliti dijelaskan sepenuhnya berjumlah RM20 800.

Berapakah untung realisasi?

- A RM3 000
- B RM3 900
- C RM5 100
- D RM6 000

31 Antara berikut, pernyataan manakah benar tentang Syarikat Scania Berhad?

- I Syer diterbitkan kepada orang ramai
- II Liabiliti pemegang syer adalah terhad
- III Tiada bilangan minimum pemegang syer
- IV Ahli lembaga tidak semestinya pemegang syer

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Syarikat UMX berhad telah menerbitkan syer biasa untuk mengembangkan perniagaannya. Apakah catatan bergu bagi urus niaga di atas?

- A Dt. Akaun Bank  
Kt. Akaun Permohonan Syer Biasa
- B Dt. Akaun Bank  
Kt. Akaun Permohonan Syer Biasa
- C Dt. Akaun Permohonan Syer Biasa  
Kt. Akaun Modal Syer Biasa
- D Dt. Akaun Permohonan Syer Biasa  
Kt. Akaun Bank

33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Tetranium Berhad bagi tahun berakhir 30 Jun 2023.

510 000 unit Syer Biasa bernilai RM1.00 sesyer.  
270 000 unit 8% Syer Keutamaan bernilai RM1.00.  
Lembaga Pengarah mengisytiharkan dividen Syer Biasa sebanyak 3 sen sesyer

Berapakah jumlah dividen akhir?

- A RM15 300
- B RM21 600
- C RM23 400
- D RM36 900

34 Antara berikut, manakah item penerimaan bagi kelab dan persatuan?

- I Yuran ahli
- II Yuran lapuk
- III Honorarium
- IV Yuran pertandingan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Akaun yuran berikut diambil daripada Kelab Motor Cross bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

**Akaun Yuran**

2022		RM	2022		RM
Jan 1	Baki b/b	380	Dis 31	Bank	1 350
Dis 31	Pendapatan dan Perbelanjaan	1 650		Baki h/b	680
		2 030			2 030
2023					
Jan 1	Baki b/b	680			

Apakah yang dimaksudkan dengan baki b/b RM680 dalam akaun di atas?

- A Yuran belum terima untuk tahun 2022
- B Yuran belum terima untuk tahun 2023
- C Yuran belum terperoleh untuk tahun 2022
- D Yuran belum terperoleh untuk tahun 2023

- 36 Antara berikut, manakah berkaitan dengan komponen ekuiti pemilik bagi kelab dan persatuan?

A	Modal awal <i>Tambah:</i> Untung bersih <i>Tolak:</i> Ambilan Modal akhir
B	Dana terkumpul awal <i>Tambah:</i> Lebihan Dana terkumpul akhir
C	Akaun Modal A Akaun Modal B Akaun Semasa A Akaun Semama B
D	Syer Keutamaan 8% Syer Biasa

- 37 Antara berikut, manakah merupakan komponen Kos Pengeluaran?

- I Kos jualan
- II Kos overhead
- III Kos barang siap
- IV Kos bahan langsung

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

38 Pernyataan yang manakah menerangkan tentang kos berubah?

- A Tidak dipengaruhi oleh perubahan volum pengeluaran
- B Berubah tidak mengikut perubahan volum pengeluaran
- C Berubah secara songsang dengan perubahan volum pengeluaran
- D Berubah secara langsung dengan perubahan volum pengeluaran

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Syarikat Panson bagi tahun berakhir 30 April 2023.

Unit dijual	12 000
Kos berubah seunit	RM4.50
Margin caruman seunit	RM2.30
Titik pulang modal	10 000 unit

Berapakah jumlah kos?

- A RM45 000
- B RM54 000
- C RM68 000
- D RM77 000

40 Maklumat berikut diperolehi daripada peniaga burger.

	<b>RM</b>
Sewa tapak gerai	300
Roti burger	1.00 sebiji
Daging burger	2.50 sekeping
Telur	0.50 sebiji
Perisa	1.00 setiap sebiji burger
Harga jualan seunit	9.00

Berapakah keuntungan yang akan diperolehi, jika beliau menjual 400 biji burger?

- A RM1 300
- B RM1 600
- C RM1 700
- D RM1 900

**KERTAS SOALAN TAMAT**